

Bil. S 42

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH KASTAM (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pemasukan bab 154A baru ke dalam S 39/2006
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KASTAM (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kastam (Pindaan), 2017.

Pemasukan bab 154A baru ke dalam S 39/2006

2. Perintah Kastam, 2006 adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 154 bab baru yang berikut —

“Cagaran bagi pembayaran duti dan pematuhan Perintah ini

154A. (1) Pengawal hendaklah mempunyai hak untuk menghendaki dan mengambil cagaran bagi pembayaran duti dan pada amnya bagi pematuhan Perintah ini dan bagi perlindungan hasil.

(2) Sementara menunggu pemberian cagaran yang dikehendaki, pegawai kastam yang dikenakan boleh enggan melakukan apa-apa perbuatan dalam melaksanakan jawatannya berhubung dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya cagaran itu dikehendaki.

(3) Cagaran itu hendaklah diberikan mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pengawal dan boleh dengan bon, jaminan, deposit tunai atau apa-apa cara lain atau dengan gabungan 2 atau lebih cara tersebut.

(4) Sebarang cagaran tersebut boleh diberikan berhubung dengan apa-apa transaksi tertentu atau pada amnya berkaitan dengan mana-mana kelas transaksi atau semua transaksi dan bagi tempoh dan amaun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengawal dan di bawah syarat-syarat tentang perlucuthakan, penalti atau pun selainnya sebagaimana yang mungkin ditentukannya.

(5) Jika pada bila-bila masa Pengawal tidak berpuas hati dengan kecukupan apa-apa cagaran, dia boleh menghendaki suatu cagaran baru bagi menggantikan atau sebagai tambahan kepada cagaran yang telah diberikan.”.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan Ogos, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM